



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 8/1980**

**Jenis Pelan Yang Disediakan Untuk Hakmilik Sementara Dan
Permintaan Ukur Berkaitan Dengan Kelulusan
Pemberimilikan Tanah (Disemak 2009)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 8/1980**

**Jenis Pelan Yang Disediakan Untuk Hakmilik Sementara Dan Permintaan Ukur
Berkaitan Dengan Kelulusan Pemberimilikan Tanah (Disemak 2009)**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pentadbir Tanah dalam perkara menyiapkan pelan-pelan tanah untuk hakmilik sementara dan permintaan ukur setelah pemberimilikan tanah diluluskan.

2. Pelan untuk hakmilik sementara sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 181(1)(b) Kanun Tanah Negara hendaklah disediakan berdasarkan kepada pelan yang dirujuk dalam kelulusan pemberimilikan. Pelan ini tidak perlu mengandungi butir-butir mengenai bearing dan jarak. Bagi tujuan mengesan tanah yang berkenaan sebagaimana yang ditunjuk dalam pelan dalam hakmilik sementara itu, Pegawai Petempatan perlulah merekodkan butir-butir mengenai bearing dan jarak dalam lembaran lito atau dalam pelan lain yang disenggarakan olehnya.

3. Pelan untuk permintaan ukur pula hendaklah mengandungi butir-butir mengenai bearing dan jarak kerana tanpa maklumat ini juruukur tidak mungkin boleh mengesan tanah yang berkenaan. Seperti juga dengan pelan untuk hakmilik sementara, pelan untuk permintaan ukur juga adalah disediakan berdasarkan kepada pelan yang dirujuk dalam kelulusan pemberimilikan. Menurut subseksyen 83(2) Kanun Tanah Negara dalam keadaan-keadaan tertentu juruukur boleh menentukan sempadan-sempadan yang ditunjukkan dalam pelan yang dirujuk dalam kelulusan pemberimilikan dengan syarat kawasan yang dilingkungi oleh sempadan-sempadan itu tidak melebihi dengan banyaknya daripada kawasan yang diluluskan.

4. Pentadbir-pentadbir Tanah hendaklah mengambil perhatian bahawa pelan tanah bagi tujuan menyiapkan hakmilik sementara tidaklah perlu mengandungi butir-butir mengenai bearing dan jarak, tetapi pelan untuk permintaan ukur mesti dilengkapi dengan butir-butir tersebut.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan